

# KESELINGKUHAN HAWA

oleh wahaza extra

Rubi membetulkan bantal yang mengalas kepala. Sugul memandang cahaya kuning terbias dari celah lubang-lubang kecil menghias lampu tidur di sisi katil. Ditepuk perlahan melengkung keluk di permukaan bantal. Dialih kepala menutup kiri telinga. Telapak tangan dilapik ke pipi. Lutut berlaga-laga bersilang terselindung di bawah selimut.

Hati meronta merindui, menitis halus air mata membasah. Tiada lagi sanggup menyembunyikan hampa bermain-main dibenaknya. Disentuh hujung jari, mengesat gegenang yang mahu menitis lagi. Ditarik gebar, menutup dada. Ditahan esak. Sejuk larut malam mencengkam belikat. Bahu digerak-gerak mencari hangat malam.

Rubi bernafas perlahan, menarik sekeping gambar dari bawah bantal. Remuk bercarikan seribu diratanya. Disentuh hujung jarinya pada wajah yang semakin lusuh pada gambar itu. Saat manis terkenang kebahagiaan, jua nestapa hidup juga datang menghitung balik. Dia tahu sukar yang akan mendatang, ada jua lebih bahagia dari menempuh hidup sehari bersama.

Rubi tekad.

Tiada lagi sanggup membahagi yang ada suka di antara duka yang tiada berhitung; akan jua sama sahaja akhir jawaban.

Air mata menitis lagi. Perasaan Rubi terseksa. Tiada dia mahu mempersoal betul atau salah.

“Rubi sayang, sabar ya..” suara garau itu terngiang di telinga. “Bukan lama abang pergi...”

Sedih dipenuhi kecewa penyesalan. Diramas gambar, mencengkam jari jemarinya rapat. Tangannya meraba-raba di celah bantal. Tiada lagi mahu beralasan akan kesabaran yang bertahun lama diduganya.

Guruh menerpa sekilas pantas petir menyabung menerangi di luar tingkap. Awanan hitam yang berarakan jelas terbias dari rintisan hujan. Deru angin yang bersiulan dari celah-celah tingkap mengalun langsir putih.

Sejuk malam terasa di wajah. Putih mata Rubi memandang langit siling, asyik membilang pusing bilahan kipas berputaran. Kusut mindanya tiada ketentuan. Genggaman tangannya kukuh. Luka hati akan sembuh jika sebegini dilakukannya.

Rubi bingkas berpaling ke sisi. Pisau ditangannya dijulang tinggi.

“Abang, maafkan Rubi” bisiknya perlahan, pisau berkilauan diterjah ke badan yang lena berdengkuran di sisi.

Berkali-kali. Tiada henti.

Rengus suara lelaki itu tidak dipedulikannya, ronta perit tidak dikisahkannya lagi. Dicapai Rubi, bantal yang terlakar palitan darah. Muka lelaki itu ditekap kuat. Perlahan lenyap raungan sengsara yang mengganggu telinganya.

Rubi menarik nafas lega, mengalih bantal. Dia pasrah, lara memandang bisu wajah suaminya bernyawaan buat kesekian kalinya.

\* \* \*

Laungan azan subuh sayup membisik dari luar tingkap jeriji besi. Fajar menarik lakar putih bak sutera di langit timur. Kekok ayam terbiar sunyi dari pagi Jumaat itu, seakan tahu isi hatinya.

Rubi membetulkan kain putih yang pernah mengalas badan Dani, kini erat membalut rambutnya. Janjinya, tiada lagi genang yang akan mengalir dari alis mata.

Telekong dikenakannya ke kepala, menutup ke paras dada. Rubi mengangkat takbir, berhenti di telinga. Jenuh mencari khusyuk bertagihkan keampunan yang dia tidak pasti keberapa kali.

Sudah tidak perlu lagi dia menghitung, kerna pasti ini yang terakhir diburunya.

Rukuk. Sujud. Silihan ganti. Lama sekali. Salam. Kanan dan kiri.

Terpandang wanita beruniform di pintu. Rubi senyum meraut wajahnya. Waktu membalas mati.

“Akak, kita dah lambat” sapa wanita tersebut.

Rubi bingkas. Dilucutkan telekong dan dilipatkannya cepat-cepat di atas tilam.

“Akak tak makan?” tanya wanita itu melihat dulang plastik berisi makanan pilihan Rubi yang tidak terusik.

“Kak Rubi dah takde seleralah, dik.” balas Rubi menuruti wanita itu melangkah menuju destinasi terakhirnya.

Rubi tenang, mungkin sudah tiada guna lagi memberontak. Semua sudah ada jadinya, mencatit dalam hukum dunia, salahnya sudah terbalas. Tiada lagi dendam yang perlu membakar di hati. Tiada lagi perlu sabar menunggu. Mungkin di sana, seksa harap pedihnya tidak melebihi.

Pintu bilik kecil di hujung lorong, dibuka wanita di depannya. Hangat angin menghembus, sejuk jua ke tulang belikatnya.

Rubi tidak sabar. Mengangguk senyum memandang buta barang siapa di hadapan.

\* \* \*

“Atie, jaga Dani baik-baik ye.” sebak di hati Rubi tiada tertahan melihat raut wajah Dani di sisi wanita di sebalik kaca di hadapannya.

“Rubi jangan bimbang, pandailah akak jaga dia” mata itu mengelak dari saling bertentangan.

Airmata Rubi menitis mengenangkan hari-hari yang akan hilang dari hidupnya membesarkan anak kesayangannya itu. “Daniiii...” jeritnya melihat buat kali terakhir Atie dan Dani, bingkas dan beredar dari bilik itu.

Tiada lagi Dani buatnya. Dia tahu hatinya telah berganti buat Dani. Bunuh dibalas bunuh, itulah balasan yang perlu ditanggungnya. Waktu akan berlalu, jalan hidupnya akan memburu sesal perbuatan. Tiada adil untuk Dani harungi bersama.

Dan Atie, bukanlah orang lain. Isteri lelaki yang mati dibunuhnya.

\* \* \*

Masa seakan beredar pantas. Rubi membuka mata.

Kelam. Wajahnya terhalang. Tali jut berbalut kulit lembut melingkari tengkuknya. Tangannya rapat terikat di belakang. Berdiri dia meraba suasana. Debaran meronta di segenap inci urat badan. Dicubanya mencari tenang agar terhindar takut menguasai perasaan.

“*Bismillahirrahmanirrahim, La ilaha ilallah*” mulutnya terucap membisik ke telinga.

Rubi hanyut dalam jiwanya. Pintu rengang terbuka luas. Rubi jatuh, lenyap ke enam belas kaki dalam ke bawah. Gravitasi terhenti. Berat badan menyentap ke lehernya. Jemari halus terbuka menjerit sakit tiada melawan. Hatinya tenang mencari seksa pedih yang berperang di setiap inci fikirannya.

Tulang tengkuknya menyerah kalah.

Badan perlahan akur, akur pada hukuman dunia. Rubi mengucapkan selamat tinggal pada dunia. Melucutkan rohnya dari jasad pinjaman sementara.

Mayat Rubi tergantung. Kaku. Tiada harus berganti hati lagi.

\* \* \*

Rubi merebahkan kepalanya ke bahu. Dingin di kedua belah kaki merayap perlahan ke betis. Urat-urat kecil sudah mula melakar kasar di buku lali yang putih melepak. Digosok-gosokkan telapak kaki pada lantai berkarpet. Suam panas mula menghangatkan gemuruh yang ada. Terus lenyap terhilang sedih perasaan dengan secebis berita gembira itu. Tidak sabar sekali ingin meluahkan apa yang terbuku di dalam hatinya.

“Kalau perempuan, Bi nak namakan Dania” Rubi membelai perutnya yang masih rata. Matanya asyik menatap wajah kekasih hati. “.. dan Bi namakan Dani kalau lelaki, ok tak?” sambung Rubi lagi sambil membelai jemarinya pada telapak yang memeluknya erat.

Tangan halus itu menggenggam tangan Rubi dan mengiakan hasratnya selama ini. Pandangan mereka saling, menerpa sunyi suasana. Senyuman mekar berbalas, mewarna ciuman sesama sendiri. Rubi tahu pengorbanan hatinya akan membawa bahagia akhirnya sudah.

Berkongsi bukanlah asing walau perit jua keterpaksaan.

\* \* \*

Semua kenangan manis bersama bagai lenyap begitu sahaja. Dihitung tiada henti apakah salah perlakuannya. Mungkin mengandung kudrat itu telah mengubah segala yang selama ini disangka indah pada tatapan mata.

Tiada sangka percaturan nasib begitu sakit termakan diri.

Dari jauh Rubi memerhati. Persis helang, matanya tajam, asyik melukis di fikiran tiap gelak tawa pasangan suami isteri jauh di hadapan. Jiwa menagih bahagia yang telah dirampas darinya apabila melihat rapat tangan si suami memeluk erat pinggang si isteri. Senyuman yang melakar pada wajah si suami, pedih membakar dengki di pangkal hatinya.

Rubi menyandar di sebalik tiang, air mata kasih menitis tidak henti. Dikesatnya pantas. Sengsara yang makin berat membebankan diri dibuangnya jauh.

Tangan membelai sarat perut bunting 7 purnama. Meratap simpati pada yang dekat padanya. Rubi membelek-belek telefon bimbit, segera dirapatkan ke telinga menunggu jawapan yang sudah dia tahu.

“Malam ni abang balik rumah tak?” Suara Rubi cuba menyangkal jawapan di hatinya. “Tak, sayang..” sebak tersebar mencengkam setiap inci pembuluh darahnya.

Sedih sudah kebiasaan. Cemburu, haram tidak sekali. Cuma tiada sanggup diperolokkan pengorbanannya sebegitu rupa.

\* \* \*

“Anak ini bukan milik Rubi, abang” Rubi bersandar pada bahu suaminya. “Ini janji abang pada Kak Atie sebagai izin untuk berkahwin dengan Rubi” dilempar jauh apa yang tidak indah bermain di benaknya.

Sudah memang itu percaturan perkahwinannya, tidak sekali dia sebagai madu mengingkar janji pengorbanan yang direlakan oleh si isteri tua.

\* \* \*

Tercungap nafas Rubi menampung berat kandungan. Anak-anak tangga tidak setinggi mana dilangkauinya satu persatu. Tangan kemas memeluk rapat beg tangan di dada. Tiada guna dia berada di situ lagi. Semakin lama semakin menyakitkan hati yang mana masih belum terluka.

Rubi berpaling, menyadari seseorang di belakangnya.

“Mahu ke mana tu, Bi? Kenapa tinggalkan sayang?”

Atie menghulur tangan, disambutnya pantas mencengkam. Senyum kembali terukir di wajah Rubi.

Sakit hatinya segera terubat.

\* \* \*

Air berwarna merah mengalir membasahi setiap inci telanjang tubuh Rubi, turun bertakungan memenuhi lantai putih dan perlahan lenyap memasuki lubang air di satu sudut. Deru air menerpa jatuh ke lantai bergema.

\* \* \*

“Bermadu dengan Atie, setidaknya anak yang bakal Bi lahirkan dapat kita besarkan bersama” rayu Atie pada cinta hatinya.

“Atie akan sentiasa bersamamu, sayang” keraguan Rubi lenyap dalam pelukan Atie. Harapnya kasih Atie tiada putus walau apa pun yang akan berlaku.

\* \* \*

Rubi berhitung akal di bawah pancuran air. Jiwanya berteriakan hilang siuman bertengkar antara betul atau salah. Tiada dapat dia mengadili hakikat apa yang telah berlaku. Pisau yang bersaduran darah suaminya terdampar di hujung kaki. Disentalnya setiap kesan darah yang melekat pada robek wajahnya. Segala akan sempurna seada sangkanya. Namun apa yang dirasakan ketika itu bagaikan kelam berkecamuk melapah setiap inci rasa cintanya.

Miskinya cinta kalau kasih tiada berkunjung.

Rubi bersandar mengelungurkan badan ke lantai dan merengkok badan cuba mencari tenang yang tiada. Badan menggigil kesejukan ditimpa air bercurahan tiada henti. Kusam hatinya merintih simpati.

Dari jauh sayup ke gegandang telinganya deringan telefon bimbit yang bergetaran di sisi mayat suami. Kesan merah telapak kakinya berselerakan merata di setiap genap ruang kamar. Suara pekik Atie di muka pintu tidak lagi didengarnya.

\* \* \*

Atie menyambut bayi lelaki kemas berbalut kain putih dari tangan Rubi. Dirapatkannya ke dada mendodoi manja anak itu. Hajat hatinya akhirnya kecapaian. Ketidak upayaannya melahirkan anak mendesak dia bercaturan naif cinta Rubi padanya.

“Bi namakan dia Dani” Rubi mengusap dahi anak kecil yang lena dalam pelukan Atie.

Bahagia pantas berpelangi dihatinya.

\* \* \*

Nyawa Atie seakan terlucut dari tubuh melihat mayat suaminya kaku berlumuran darah di atas katil. Beralirkan air mata payah sekali pun tiada dia dapat mengubah apa yang disaksikan ketika itu.

“Oh sayang, kenapa? kenapa?” Atie memeluk erat layu tubuh Rubi menatap wajah tenang tiada beriak. Air yang bercucuran mula membasahi seluruh badannya mengharap kaya jawapan dari Rubi.

“Bi serik berkongsi kasih”

\* \* \*

Atie terperosok di tepi pagar menyaksikan Rubi dibawa pergi. Gambar dia bersama Dani dan Rubi lusuh bercorakan darah digenggamnya kemas. Berat nafasnya meredakan penyesalan yang bermain di fikiran.

Di dalam kereta peronda, Rubi berpaling membisik bisu di matanya.

“I love you, sayang”

Airmata Atie lewat merindu di pipi digauli rasa salah.

TAMAT